



## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021

### GEOGRAFI

2280/1

#### Kertas 1

1 jam 15 minit

---

---

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.*


---

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak dan 4 halaman tidak bercetak.  
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai.)

- 1 Di lapisan bumi yang manakah terdapat arus perolakan?

A Mantel C Kerak bumi  
B Teras luar D Teras dalam


- 2 Maklumat berikut adalah proses pembentukan batuan.



Batuan X ialah

A marmar C granit  
B pasir D syal

- 3 Rajah berikut menunjukkan pergerakan plat yang membentuk banjaran gunung lipat di Banjaran Himalaya.



Apakah sebab berlakunya lipatan kerak bumi seperti dalam rajah di atas?

- A Pencapahan plat lautan dengan plat lautan  
B Pencapahan plat benua dengan plat benua  
C Pertembungan plat lautan dengan plat lautan  
D Pertembungan plat benua dengan plat benua
- 4 Bagaimanakah batuan igneus boleh berubah menjadi batuan metamorfosis?
- A Perekatan serpihan batuan  
B Pemadatan dan penyimenan  
C Proses tekanan haba yang tinggi  
D Penyejukan dan pembekuan magma

- 5 Kombinasi manakah **benar** tentang kesan luluhawa kimia di gurun panas dan kawasan tropika lembap?

|   | Gurun Panas               | Tropika Lembap            |
|---|---------------------------|---------------------------|
| A | Pembentukan tors          | Pembentukan bornhard      |
| B | Pembentukan tanah laterit | Pembentukan kaolin        |
| C | Pembentukan kaolin        | Pembentukan tors          |
| D | Pembentukan tors          | Pembentukan tanah laterit |

- 6 Bagaimanakah aktiviti manusia boleh menyebabkan berlakunya proses pergerakan jisim?

A Kegiatan akuakultur di kawasan paya bakau  
B Pembinaan pelabuhan perikanan di pinggir laut  
C Pembinaan petempatan di kawasan cerun bukit  
D Pembajakan tanah untuk penanaman padi di kawasan delta

- 7 Bagaimanakah bahan yang halus dan ringan diangkut oleh aliran sungai?

A Seretan  
B Larutan  
C Lompatan  
D Apungan

- 8 Apakah kegiatan manusia yang boleh meningkatkan kesan hakisan ombak?

A Pembinaan tukun tiruan  
B Perikanan pinggir pantai  
C Penebangan pokok bakau  
D Pembinaan jalan raya susur pantai

- 9 Foto berikut menunjukkan kesan proses luluhawa.



Apakah proses luluhawa kimia yang menghasilkan pandang darat dalam foto tersebut?

- A Tindakan fros
- B Penghidratan
- C Pengoksidaan
- D Pengkarbonan

- 10 Apakah fenomena alam yang menyebabkan keadaan berikut berlaku?

- Suhu dunia meningkat
- Aras laut meningkat

- A Ribut tropika
- B Hujan asid
- C Pulau haba
- D Kesan rumah hijau

- 11 Mengapakah suhu di Kundasang rendah?

- A Litupan awan tebal
- B Ketinggian bentuk muka bumi
- C Kurang menerima hujan
- D Pengaruh kelautan

- 12 Berikut adalah fenomena cuaca dan iklim yang berlaku di Malaysia.

- Hujan asid

Mengapakah fenomena tersebut sering berlaku di Malaysia?

- A Pembakaran hutan
- B Penggunaan baja kimia
- C Pembakaran bahan api fosil
- D Pembebasan gas klorofluorokarbon

- 13 Maklumat berikut menunjukkan suhu tahunan bagi Stesen X.

| Bulan   | J  | F  | M    | A  | M    | J  | J    | O  | S    | O  | N    | D  |
|---------|----|----|------|----|------|----|------|----|------|----|------|----|
| Suhu °C | 25 | 30 | 29.5 | 29 | 28.5 | 28 | 27.5 | 27 | 26.5 | 26 | 25.5 | 25 |

Stesen X

Berapakah julat suhu tahunan bagi Stesen X?

- A 5°C
- B 25°C
- C 27.5°C
- D 30°C

- 14 Apakah ciri tumbuhan semula jadi berikut?

- Jati
- Penaga

- A Berkayu lembut
- B Pokok berbentuk kon
- C Daun berbentuk jarum
- D Daun gugur pada musim kering

- 15 Bagaimanakah cara untuk mengurangkan penggunaan sumber hutan dalam kehidupan masa kini?

- A Mengamalkan kitar semula
- B Meningkatkan eksport balak
- C Mempelbagaikan kegunaan bahan semula jadi
- D Menkuatkuasakan undang-undang alam sekitar

- 16 Foto berikut menunjukkan spesies tumbuhan semula jadi di Malaysia.




Apakah usaha yang perlu dilakukan untuk mengatasi kepupusan tumbuhan semula jadi dalam foto tersebut?

[Lihat halaman sebelah


SULIT

- I Melaksanakan penghutan semula  
 II Mewujudkan ladang hutan  
 III Mewartakan hutan simpan  
 IV Mengawal aktiviti pembalakan
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 17 Mengapakah hutan di kawasan Monsun Tropika menggugurkan daun pada bulan Mac hingga Mei?
- I Angin bertiup kencang  
 II Kelembapan bandingan tinggi  
 III Musim kering yang nyata  
 IV Suhu yang tinggi
- A I dan II  
 B I dan IV  
 C II dan III  
 D III dan IV
- 18 Foto berikut menunjukkan tumbuh-tumbuhan semula jadi di Malaysia.



- Mengapakah tumbuhan semula jadi tersebut perlu dikekalkan?
- A Mengawal pasang surut  
 B Melindungi hidupan akuatik  
 C Mengawal kemasinan air laut  
 D Merupakan kawasan tadahan air
- 19 Maklumat berikut berkaitan dengan konsep taburan penduduk.
- Mempunyai penduduk 50 hingga 200 orang sekilometer persegi.
- Taburan penduduk tersebut dikategorikan sebagai
- A penduduk padat  
 B penduduk sederhana  
 C penduduk optimum  
 D penduduk jarang

- 20 Faktor yang mempengaruhi kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi di sesebuah negara ialah
- A ramai wanita yang berkerjaya  
 B jangka hayat penduduk yang tinggi  
 C tahap pendidikan yang rendah  
 D kadar migrasi yang tinggi
- 21 Rajah berikut menunjukkan piramid penduduk sesebuah negara.



- Apakah kesan struktur dan komposisi penduduk dalam piramid tersebut terhadap pembangunan negara?
- A Kadar kelahiran tinggi  
 B Kadar buta huruf meningkat  
 C Pertumbuhan penduduk tinggi  
 D Tenaga buruh ramai di pasaran
- 22 Mengapakah penduduk luar bandar di Malaysia berhijrah ke Jengka, Pahang pada tahun 1980-an?
- A Penyediaan bekalan elektrik  
 B Pendidikan percuma untuk anak  
 C Pemberian tanah pertanian oleh kerajaan  
 D Pemberian elaun sara hidup oleh kerajaan
- 23 Apakah kesan sosial akibat migrasi antarabangsa terhadap negara yang dituju?
- A Persaingan peluang pekerjaan  
 B Pertambahan pendapatan isi rumah  
 C Peningkatan penggunaan teknologi moden  
 D Peluasan pasaran barangan dan perkhidmatan

- 24 Peta berikut menunjukkan lokasi petempatan bandar di Malaysia.



MALAYSIA

Mengapakah lokasi X dan Y mempunyai kepadatan penduduk yang tinggi?

- A Kawasan pertanian ladang
  - B Bandar pelabuhan kontena
  - C Lokasi industri petrokimia
  - D Bandar diraja
- 25 Apakah perubahan ekonomi yang menunjukkan kemajuan petempatan luar bandar?
- A Jalan raya yang baik
  - B Kemudahan bekalan air
  - C Kemudahan klinik kesihatan
  - D Banyak industri kecil dan sederhana
- 26 Foto berikut menunjukkan petempatan di Malaysia.




Apakah kesan perkembangan petempatan tersebut terhadap fenomena cuaca?

- A Hujan asid
- B Pulau haba
- C Kesan rumah hijau
- D Penipisan lapisan ozon

- 27 Apakah faktor yang mempengaruhi proses urbanisasi awal di Malaysia?

- A Jalan raya yang baik
- B Kadar upah yang tinggi
- C Pemodenan sektor pertanian
- D Perkembangan sektor perlombongan

- 28 Peta berikut menunjukkan lokasi bandar di Malaysia.



MALAYSIA

Apakah faktor yang menggalakkan perkembangan bandar X dan Y?

- A Pertumbuhan bandar baharu
- B Menjadi pusat pendidikan tinggi
- C Tumpuan perdagangan antarabangsa
- D Terdapat kegiatan berasaskan petrokimia

- 29 Apakah sumber tidak boleh baharu?

- A Suria
- B Ombak
- C Petroleum
- D Tenaga hidro

- 30 Maklumat berikut adalah kesan penerokaan suatu sumber terhadap alam sekitar.

- Menjejaskan rantaian makanan
- Meningkatkan suhu setempat

Apakah sumber tersebut?

- A Hutan
- B Angin
- C Air bawah tanah
- D Pantai dan marin

- 31 Mengapakah sumber semula jadi di negara membangun kurang dieksploitasi?

- A Kurang permintaan
- B Mempunyai penduduk padat
- C Persaingan dengan negara lain
- D Teknologi rendah

[Lihat halaman sebelah

SULIT

- 32 Peta berikut menunjukkan kawasan perlombongan sumber tenaga dunia.



DUNIA

Apakah usaha yang diambil untuk mengurangkan pergantungan terhadap sumber tenaga dari kawasan berlorek dalam peta tersebut?

- A Mengamalkan kitar semula  
B Mengurangkan eksport  
C Mempelbagaikan penggunaan  
D Mencari sumber tenaga gantian
- 33 Apakah langkah yang sesuai bagi memelihara dan memulihara sumber pantai dan marin?
- A Penambakan laut  
B Membina tukun tiruan  
C Penyahgaraman air laut  
D Memajukan kawasan pelancongan
- 34 Apakah kesan pembinaan empangan di kawasan tanah tinggi terhadap alam sekitar?
- I Pencemaran tanah  
II Ekosistem sungai terganggu  
III Habitat hidupan liar musnah  
IV Kandungan karbon dioksida meningkat
- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV
- 35 Berdasarkan foto berikut, apakah kesan aktiviti tersebut terhadap alam sekitar?



- I Penipisan ozon  
II Suhu setempat meningkat

III Kejadian tanah runtuh

IV Jerebu

- A I dan II  
B I dan IV  
C II dan III  
D III dan IV

- 36 Kombinasi manakah yang **benar** tentang pembinaan dan kesannya terhadap alam sekitar?

|   | Pembinaan        | Kesan          |
|---|------------------|----------------|
| A | Pelabuhan        | Aras laut naik |
| B | Terowong         | Suhu meningkat |
| C | Lapangan terbang | Jerebu         |
| D | Lebuhraya        | Tanah runtuh   |

- 37 Maklumat berikut adalah faktor yang menggalakkan pertanian di Indonesia.

- Bentuk muka bumi beralun
- Tanah laterit

Apakah jenis tanaman yang sesuai dengan faktor tersebut?

- A Padi  
B Kelapa sawit  
C Tembakau  
D Nanas

- 38 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis kegiatan ekonomi utama.

| Kegiatan Ekonomi |          |   |
|------------------|----------|---|
| Primer           | Sekunder | X |

Apakah kegiatan ekonomi yang bertanda X?

- A Perikanan  
B Pembalakan  
C Pengangkutan  
D Perlombongan

- 39 Apakah kaedah pertanian yang dapat mengurangkan hakisan di kawasan tanah tinggi?

- A Tanaman bergilir  
B Tanaman berjajar  
C Tanaman berteres  
D Tanaman hidroponik

- 40 Mengapakah kerjasama ekonomi antarabangsa penting terhadap negara?

- A Meningkatkan harga barangan import  
B Meningkatkan pemindahan teknologi  
C Mengurangkan pelaburan modal asing  
D Mengehendkan kemasukan tenaga buruh

SULIT

NO. KAD PENGENALAN

ANGKA GILIRAN

|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|--|
|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |
|  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |  |



LEMBAGA PEPERIKSAAN  
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

## SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2021

GEOGRAFI

2280/2

Kertas 2

2 jam 30 minit

**JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Tulis nombor kad pengenalan dan angka giliran anda pada ruang yang disediakan.*
2. *Kertas peperiksaan ini mengandungi tiga bahagian: Bahagian A, Bahagian B dan Bahagian C.*
3. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik dan alat geometri.*
4. *Ceraikan Peta Topo untuk memudahkan anda menjawab Soalan 1.*
5. **Kertas peperiksaan ini hendaklah diserahkan kepada pengawas peperiksaan pada akhir peperiksaan.**

*Tampal pelekat di sini*

Kertas peperiksaan ini mengandungi 31 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.  
(Nota penerbit: Bilangan halaman dalam buku ini telah diubah suai.)


**Bahagian A**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.*

**Soalan 1** berdasarkan peta topo siri 2280/2/2021 yang disediakan. Kaji peta ini dengan teliti sebelum menjawab soalan berikut.


- 1 (a) Nyatakan aras tertinggi dalam segi empat grid berikut.

.....  
[1 markah]

- (b) Berapakah bearing Bkt. Nanas (RG 976065) dari Bkt. Asam (RG 903072)?

.....  
[2 markah]


- (c) (i) Nyatakan **dua** ciri pandang darat fizikal yang terdapat dalam segi empat grid berikut.

.....  
[2 markah]

- (ii) Nyatakan **dua** kegiatan ekonomi yang berpotensi dimajukan dalam kawasan segi empat grid tersebut.  
Beri alasan anda.

.....  
[4 markah]

- (d) (i) Mengapakah kawasan segi empat grid berikut menjadi kawasan tepu bina?



.....

.....

.....

.....

[2 markah]

- (ii) Cadangkan usaha untuk melestarikan alam sekitar kawasan segi empat grid di atas.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

**Soalan 2** berdasarkan Jadual 1.

Jadual 1 menunjukkan jumlah pendapatan sektor pelancongan di Malaysia antara tahun 2014 hingga tahun 2018.

| Tahun | Pendapatan (RM Bilion) |
|-------|------------------------|
| 2014  | 72                     |
| 2015  | 69                     |
| 2016  | 82                     |
| 2017  | 82                     |
| 2018  | 84                     |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia 2018

Jadual 1

- 2 (a) Berdasarkan Jadual 1, lukiskan sebuah graf garisan yang menunjukkan jumlah pendapatan sektor pelancongan di Malaysia antara tahun 2014 hingga 2018.  
Gunakan skala 1cm mewakili RM 5 bilion. [7 markah]  
[Sila gunakan kertas graf **di halaman 11**]

- (b) Dengan merujuk kepada graf yang telah anda lukis, jelaskan pola yang menunjukkan jumlah pendapatan sektor pelancongan di Malaysia antara tahun 2014 hingga 2018.

.....

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

- (c) Setiap sektor kini terkesan dengan Covid-19 dan sektor pelancongan amat jelas sekali terkesan. Diharapkan semua sektor di negara ini dapat bekerjasama dengan pihak kementerian bagi mengatasi masalah ini.

Sumber: *New Straits Times* (NSTP), Rabu, 11 Mac 2020

Merujuk kepada maklumat di atas, terangkan usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam meningkatkan semula aktiviti pelancongan di Malaysia.

.....

.....

.....

.....

.....


[4 markah]

No. Kad Pengenalan .....

Angka Giliran .....

Mata Pelajaran .....

Graf untuk Soalan .....



**Bahagian B**

[30 markah]

*Jawab semua soalan.***Soalan 3** berdasarkan Foto 1.

Foto 1 menunjukkan fenomena cuaca di negara kita.



Foto 1

**3 (a)** Jelaskan punca berlakunya fenomena cuaca tersebut.

.....

.....

.....

[2 markah]

**(b)** Bagaimanakah fenomena cuaca tersebut memberi kesan terhadap penduduk setempat?

.....

.....

.....

.....

[4 markah]

**(c)** Adakah fenomena seperti dalam Foto 1 dapat diatasi sepenuhnya?

Beri pendapat anda.

.....

.....


.....

.....

[4 markah]

**Soalan 4** berdasarkan Rajah 1.

Rajah 1 menunjukkan pergerakan plat tektonik.



Rajah 1

- 4 (a) Apakah jenis pergerakan plat tektonik dalam Rajah 1?

[1 markah]

- (b) Nyatakan **dua** bentuk muka bumi yang terbentuk akibat pergerakan plat tersebut.

(i) .....

(ii) .....

[2 markah]

- (c) Jelaskan kesan pergerakan plat tersebut terhadap manusia.

.....  
 .....  
 .....  
 .....

[4 markah]

- (d) Cadangkan langkah mengurangkan kesan akibat pergerakan plat tersebut.

.....  
 .....  
 .....  
 .....  
 .....

[3 markah]

[Lihat halaman sebelah

Soalan 5 berdasarkan Foto 2.



Foto 2

- 5 (a) Nyatakan habitat hidupan liar dalam Foto 2.

.....  
[1 markah]

- (b) Populasi orang utan menuju kepupusan.

Sumber: *Astro Awani*, 9 Julai 2016

Jelaskan punca kepupusan tersebut.

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
[4 markah]

- (c) Apakah kepentingan hidupan liar terhadap keseimbangan ekosistem?

.....  
.....  
.....  
[2 markah]

- (d) Cadangkan usaha-usaha untuk memelihara dan memulihara hidupan liar pada masa hadapan.

.....  
.....  
.....  
.....  
[3 markah]

**Bahagian C**

[40 markah]

*Jawab dua soalan sahaja.***Arahan:** Tulis jawapan anda pada ruang yang disediakan di **halaman 19 hingga halaman 24**.**6** Jadual 2 menunjukkan statistik migrasi penduduk tahun 2018.

| <b>Migrasi Dalam Negeri (60.8%)</b> |            |
|-------------------------------------|------------|
| Jenis Migrasi                       | Jumlah (%) |
| Bandar ke bandar                    | 66.9       |
| Bandar ke luar bandar               | 6.3        |
| Luar bandar ke bandar               | 19.8       |
| Luar bandar ke luar bandar          | 7.0        |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018

Jadual 2

- (a) Berdasarkan Jadual 2, mengapakah peratusan migrasi bandar ke bandar lebih tinggi? [4 markah]
- (b) Jelaskan kesan migrasi bandar ke bandar terhadap proses urbanisasi. [8 markah]
- (c) Terdapat seramai 1.5 juta pekerja asing di Malaysia.

Sumber: *Harian Metro*, 29/7/2020

Wajarkah Malaysia bergantung kepada tenaga pekerja asing? [8 markah]

**Soalan 7** berdasarkan Foto 3.

Foto 3

[Lihat halaman sebelah

- 7 (a) Jelaskan ciri pola petempatan dalam Foto 3. [4 markah]
- (b) Terangkan faktor yang mempengaruhi pembentukan pola petempatan dalam Foto 3. [4 markah]
- (c) Bagaimanakah proses urbanisasi memberikan kesan terhadap alam sekitar? [8 markah]
- (d) Cadangkan langkah untuk mengurangkan masalah urbanisasi. [4 markah]
- 8 (a) Di atas Peta 2 di halaman 18, namakan:
- (i) Tumbuh-tumbuhan semula jadi di kawasan bertanda **P**.
  - (ii) Sumber tenaga boleh baharu di kawasan bertanda **Q**.
  - (iii) Sumber tenaga tidak boleh baharu di kawasan bertanda **R**.
  - (iv) Tumbuh-tumbuhan semula jadi di kawasan bertanda **S**.
- [4 markah]
- (b) Foto 4 menunjukkan kaedah penerokaan sumber tenaga di Malaysia.



Foto 4

Mengapakah penerokaan sumber tenaga tersebut penting terhadap negara?

[8 markah]

- (c) Maklumat berikut berkaitan dengan tumpahan minyak.

**Siasat ‘Punca Tumpahan Minyak’.**

*Kerajaan negeri Johor memandang serius kejadian tumpahan minyak sepanjang 800 meter di perairan Mersing berhampiran Pulau Rawa dan Pulau Besar.*

Sumber: *My Metro* 18 September 2019

- (i) Mengapakah pihak kerajaan perlu mengawal kejadian di atas? [4 markah]
- (ii) Cadangkan usaha untuk mengurangkan kesan kejadian tersebut. [4 markah]

- 9 Jadual 3 menunjukkan pengeluaran perikanan laut dalam di Malaysia antara tahun 2014 – 2016.

| Tahun                            | 2014  | 2015  | 2016  |
|----------------------------------|-------|-------|-------|
| Pengeluaran<br>(‘000 tan metrik) | 265.0 | 315.0 | 355.0 |

Sumber: Jabatan Perikanan, 2011–2020

<https://www.dof.gov.my/index.php/pages/view/42>

Jadual 3

- (a) Berdasarkan Jadual 3, terangkan faktor yang mempengaruhi perubahan pengeluaran perikanan laut dalam di Malaysia. [8 markah]
- (b) Mengapakah Malaysia masih lagi mengimport ikan dari luar negara sedangkan negara mempunyai laut yang luas? [8 markah]
- (c) Jelaskan usaha bagi mengurangkan kesan aktiviti perikanan terhadap alam sekitar. [4 markah]

[Lihat halaman sebelah


**SULIT**

No. Kad Pengenalan : .....

Angka Giliran : .....

**GEOGRAFI KERTAS 2**

Peta 2 untuk Soalan No. 8(a)

**DUNIA**

|   |  |
|---|--|
| P |  |
| Q |  |

|   |  |
|---|--|
| R |  |
| S |  |

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.



Blank lined area for writing.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

Blank lined area for writing.

This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

**SULIT**